



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**  
**JALAN PINANG RAJA**  
**32040 SERI MANJUNG**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf Bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
1.	Sebut Harga Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 1 – Seri Manjung Untuk Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKPPB SH NO. 39/2018</b>	221002 dan 221006	5 September 2018 hingga 14 September 2018	14 September 2018 jam 12.00 tengahari	RM30.00
2.	Sebut Harga Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 2 – Kampung Koh/Sitiawan Untuk Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKPB SH NO. 40/2018</b>	221002 dan 221006			RM30.00
3.	Sebut Harga Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 3 – Ayer Tawar Untuk Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKPPB SH NO. 41/2018</b>	221002 dan 221006			RM30.00
4.	Sebut Harga Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 3 – Pantai Remis Dan Beruas Untuk Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKPPB SH NO. 42/2018</b>	221002 dan 221006			RM30.00
5.	Sebut Harga Kerja-Kerja Pembersihan Longkang Monsun Zon 2 – Kawasan Industri Kampung Acheh/Sitiawan Untuk Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKPPB SH NO. 44/2018</b>	221002 dan 221006			RM30.00

2. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli secara tunai di **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai jam **11.00 pagi 5 September 2018** sehingga **14 September 2018** mengikut waktu biasa pejabat. Dokumen tawaran tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.

3. Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang sah dengan mengemukakan **Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan** di dalam bidang yang dinyatakan dan **salinan potostat**.

4. Dokumen tawaran hendaklah dilampirkan maklumat pengalaman berkaitan kerja-kerja pembersihan kawasan dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan terutama dalam kerja-kerja pembersihan perparitan.

5. Dokumen yang telah disempurnakan (**tawaran harga dan tawaran teknikal**) hendaklah dimasukkan ke dalam **dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri/bermeterai**. Nombor rujukan tawaran hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta dialamatkan kepada **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak** pada atau sebelum jam **12.00 tengahari pada 14 September 2018**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.

6. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.

7. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Manjung,  
Jalan Pinang Raja,  
32040 Seri Manjung,  
PERAK DARUL RIDZUAN.**